

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK**  
**KAWASAN : TANJONG**  
**TARIKH : 9 JUN 2014, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN NG WEI AIK (TANJONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rasional Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah mengenakan kadar tol yang lebih mahal daripada Jambatan Pulau Pinang sehingga kurangnya kenderaan bermotor yang menggunakan jambatan tersebut. Sila bekalkan statistik kenderaan-kenderaan pelbagai kelas yang menggunakan jambatan sebelum dan selepas tol dikutip.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol bagi semua jenis kenderaan di Jambatan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah, Pulau Pinang (SAHMS) ditetapkan berdasarkan kepada perjanjian konsesi yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat konsesi, iaitu Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB).

Penetapan kadar ini dibuat berasaskan kepada faktor-faktor seperti kos pembinaan, kos operasi, unjuran trafik, tempoh konsesi dan tempoh pembayaran balik pinjaman oleh syarikat konsesi JKSB. Kadar tol yang dikenakan di Jambatan SAHMS ini juga adalah berpatutan dengan mengambil kira panjang jarak jambatan keseluruhan, iaitu 24km berbanding jarak panjang Jambatan Pulau Pinang yang hanya 13.5km. Jambatan ini turut dilengkapi dengan pelbagai ciri-ciri keselamatan khusus seperti lorong khas untuk motosikal, reka bentuk tahan gempa, kemudahan CCTV di setiap jarak 2km dan pelbagai kemudahan lain.

Jambatan SAHMS yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan ini telah memberikan impak positif dari segi merancakkan aktiviti pelaburan di negeri Pulau Pinang, terutamanya di kawasan Batu Kawan dan bahagian utara negeri Perak.

Maklumat berkaitan jumlah trafik kenderaan yang melalui Jambatan SAHMS untuk tempoh sebelum (1 Mac - 30 Mac 2014) dan selepas kutipan tol dikenakan (1 April 2014) ialah seperti berikut:

<b>BULAN</b>	<b>KELAS KENDERAAN</b>						
	<b>Kelas 0</b>	<b>Kelas 1</b>	<b>Kelas 2</b>	<b>Kelas 3</b>	<b>Kelas 4</b>	<b>Kelas 5</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Mac 2014</b>	46,778	747,418	21,002	9,766	3,970	9,388	<b>838,322</b>
<b>April 2014</b>	26,099	315,764	13,237	6,274	2,050	8,027	<b>371,451</b>

Sekian. Terima kasih.